

Rafidah Aziz, Marina Yusof ke Perak lusa

IPOH, Isnin — Dua pemimpin Wanita UMNO Pusat akan m e n g h a d i r i perjumpaan Wanita UMNO Perak Khamis ini.

Timbalan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Rafidah Aziz yang juga Menteri Perusahaan Awam dan peguam Marina Yusof yang baru-baru ini dipilih menganggotai Majlis Tertinggi UMNO akan menemui lebih 300 ahli pergerakan itu di kediaman Menteri Besar di sini.

Isteri Menteri Besar, Datin Seri Hajjah Mariah binti Haji Mahmud yang juga bendahari Pergerakan Wanita UMNO Perak berkata, majlis pada jam 4 petang itu akan disertai oleh pemimpin-pemimpin Wanita Negeri.

Ketua Wanita UMNO Perak, Toh Bijayawati Onn Zariah binti Abu Bakar, bekas ketua pergerakan itu Datin Zalnab Ismail dan Ahli Parlimen Kuala Kangsar Puan Yong Fatimah Razali juga akan hadir. Datin Siti Hajjah

Mariah berkata, majlis itu selain dari menyambut Hari Raya Puasa juga akan memberi peluang berkenal-kenalan secara rapat dengan pemimpin-pemimpin Wanita di peringkat Pusat.

Perjumpaan itu yang julung-julung kali dianjurkan selepas Perhimpunan Agung UMNO di Kuala Lumpur akhir bulan Jun lalu.

Sementara itu, lebih 1,000 orang tetamu malam tadi menghadiri rumah terbuka Hari Raya Ketua Pergerakan Wanita UMNO Perak, Toh Bijayawati Onn Zariah binti Abu Bakar di Jalan Gopeng di sini.

Isteri Menteri Besar Perak, Datin Seri Hajjah Mariah binti Haji Mahmud, Anggota Exco Kerajaan Encik Peter Chin, Ketua Polis Perak Datuk Mior Jaafar bin Mior Saffi, Pegawai Kewangan Negeri Encik Mohd Termizi bin Mohd Tahir, Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Encik Mohd Hamdan bin Hazizi dan Timbalan Presiden Perbadanan Ipoh Datuk Nasir Taha adalah di antara yang hadir.